

15 FEB 2001

Abdullah-Umno

PEMIMPIN TERTINGGI TAK CAMPURI PEMILIHAN PERINGKAT BAHAGIAN

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pemimpin-pemimpin tertinggi Umno tidak akan campur tangan dalam pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian.

"Kami pemimpin yang ada, seperti di peringkat presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya sendiri, tidak akan campur tangan dalam pemilihan bahagian," katanya sambil menasihatkan semua bakal calon supaya tidak menggunakan nama pemimpin untuk mempengaruhi anggota.

Timbalan Perdana Menteri dan Timbalana Presiden Umno itu berkata demikian kepada pemimpin-pemimpin cawangan dan bahagian yang menghadiri satu majlis taklimat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

"Banyak sangat cerita yang saya dengar yang si polan, si polan ini bertanding nak lawan ketua. Ada yang kata direstui oleh Pak Lah dan ada yang kata direstui oleh Presiden.

"Ada pula yang katakan yang ini disuruh untuk bertanding. Ada yang katakan yang dia orang Naib Presiden Tan Sri Muhammad Mohd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Apalah hal semua ini, nak bertanding-bertandinglah," kata Abdullah.

Katanya, beliau juga bersetuju dengan cadangan supaya anggota-anggota parti berusaha sedaya upaya mengurangkan pertandingan kerana Umno kini tidak mampu untuk menghadapi masalah lagi seperti perpecahan.

"Apa yang penting adalah muafakat dan kerjasama supaya pertandingan itu dapat dikurangkan. Ini baik untuk Umno kerana Umno sekarang ini sedang menghadapi banyak cabaran," kata Abdullah.

Beliau berkata bahawa apa yang berlaku kepada Umno sekarang ini bukan disebabkan oleh parti-parti lawan seperti Pas tetapi akibat permainan politik anggota-anggota Umno sendiri.

"Pas tidak dapat melemahkan Umno atau memporak-perandakan Umno, tetapi orang Ummolah yang memporak-perandakan Umno sendiri," katanya.

Abdullah berkata mereka yang terlibat dalam pemilihan jawatan parti juga perlu mengelak gejala yang boleh meruntuhkan parti seperti melibatkan diri dalam politik wang.

"Jangan sekali-kali melibatkan diri dalam politik wang. Adakah kita ini terlalu lemah sehingga terpaksa menggunakan wang yang banyak hanya untuk mendapatkan undi," katanya.

Pada majlis taklimat itu, Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob turut menegaskan bahawa Majlis Tertinggi parti itu tidak akan mencampuri pemilihan ketua bahagian dan cawangan parti.

Katanya, mana-mana tindakan yang di luar peraturan dan perlembagaan parti pada pemilihan itu kelak akan dirujuk kepada Lembaga Disiplin Umno.

Mesyuarat agung cawangan akan diadakan bulan depan manakala persidangan perwakilan bahagian akan berlangsung pada April.

Khalil yang ditemui oleh pemberita selepas itu berkata, beliau akan memberikan peluang kepada Lembaga Disiplin yang baru diwujudkan itu untuk menangani kes-kes yang didakwa membabit amalan politik wang.

"Lembaga Disiplin akan membuat syor-syor kepada Majlis Tertinggi. Kita nak lihat dulu peraturan yang kita buat sekarang ini," katanya.

Yang turut hadir pada majlis taklimat itu adalah Naib Presiden Tan Sri Muhammad Mohd Taib dan Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamad dan Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah.

-- BERNAMA

MHI MS MAI